

## KAJI SELIDIK MENGENAI PENGETAHUAN SEKS DI KALANGAN PELAJAR

Normala Ismail <sup>1\*</sup>, dan Mohamad Kamil Ariff Khalid <sup>2</sup>

<sup>1</sup> *Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang, Bandar Tun Abdul Razak Jengka,  
Pahang, Malaysia*  
[nmala391@uitm.edu.my](mailto:nmala391@uitm.edu.my)

<sup>2</sup> *Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang, Bandar Tun Abdul Razak Jengka,  
Pahang, Malaysia*  
[kamildk@uitm.edu.my](mailto:kamildk@uitm.edu.my)

\*Corresponding author

**Abstrak:** Tujuan kaji selidik ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti tahap pengetahuan, sumber maklumat dan pengalaman mengenai seks dalam kalangan pelajar sekolah. Kaji selidik ini turut melihat jika wujud perbezaan antara tahap pengetahuan, sumber maklumat dan pengalaman mengenai seks dalam kalangan pelajar berdasarkan faktor demografi. Sampel kaji selidik ini melibatkan para pelajar sekolah menengah di sekitar bandar Raub seramai 100 orang menggunakan kaedah tinjauan keratan rentas. Dapatkan kaji selidik menunjukkan tahap pengetahuan seks di kalangan pelajar adalah rendah. Tidak wujud perbezaan ketara antara skor pelajar lelaki dengan pelajar perempuan mengenai pengetahuan seks. Hasil kaji selidik juga mendapati bahawa sumber rujukan mengenai pengetahuan seks majoritinya diperoleh daripada rakan sebaya, Internet, media sosial, filem dan televisyen. Tinjauan turut mendapati pengalaman mengenai seks diperoleh dari tontonan video lucu, bertemujanji selain kerap membaca bahan lucu. Hasil kajian yang diperoleh ini diharap dapat mengenalpasti permasalahan selain menangani isu seks dalam kalangan pelajar sekolah sekaligus memberi input kepada pihak yang berkepentingan bagi merangka intipati pendidikan seks yang bersesuaian di sekolah bagi membendung gejala sosial.

**Kata kunci:** Gejala sosial, Pelajar, Pendidikan seks, Pengetahuan seks

### Pengenalan

Pengetahuan seks manusia adalah penting tetapi kompleks. Namun, pengetahuan mengenai seks dalam kalangan pelajar sekolah di Malaysia masih lagi rendah (Ghazi, 2012). Masih banyak lagi kajian yang perlu dilakukan bagi menjawab persoalan mengenai seks, khasnya dalam kalangan pelajar sekolah memandangkan isu ini masih dianggap ‘taboo’ di kalangan masyarakat Malaysia. Yang pasti, semakin pelajar-pelajar ini meningkat remaja dan menuju kedewasaan, mereka semakin mudah dipengaruhi, terutamanya oleh rakan sebaya. Ini ditambah pula apabila perbincangan mengenai seks masih dianggap memalukan untuk dibincang secara terbuka dan bebas, terutamanya dalam kalangan ahli keluarga. Namun, peningkatan kes berkaitan seks seperti kehamilan anak luar nikah ataupun pembuangan bayi dalam kalangan pelajar sekolah mahupun remaja telah menimbulkan persoalan terhadap pengetahuan mereka mengenai seks melihatkan golongan mereka yang kerap terlibat, jika tidak sebagai pelaku, mungkin sebagai mangsa.

Terma pengetahuan pelajar mengenai seks dalam kaji selidik ini merujuk kepada tahap pengetahuan mereka mengenai sistem pembiakan manusia. Ini turut berkait dengan kesedaran bahawa tanpa pengetahuan seks yang betul ataupun melakukan aktiviti seks rambang yang tidak dilindungi, golongan pelajar ini akan terlibat dalam menyebarkan wabak penyakit seperti HIV, penyakit kelamin, pengguguran haram, kehamilan anak luar nikah dan kahwin muda yang tidak direstui. Namun, gejala negatif ini boleh dicegah dan dihindar dengan memperoleh informasi yang betul dan tepat. Justeru, pengetahuan mengenai seks di samping menyediakan infomasi yang betul dan tepat adalah penting dalam mendidik golongan pelajar ini. Keadaan ini membolehkan mereka bertindak dengan waras (tidak mengikut nafsu), bijak dan bersikap matang dalam membuat keputusan sebelum melakukan hubungan seks yang tidak selamat. Malah, kajian Ghazi (2012) mendapati kehamilan dalam kalangan remaja

berlaku disebabkan kurangnya pengetahuan mereka berkaitan sistem pembiakan manusia, kaedah pencegahan kehamilan dan penyakit kelamin.

Secara dasarnya, pengetahuan dan tingkah laku seks dalam kalangan pelajar ini sudah semestinya berdasarkan sumber maklumat yang diperoleh. Misalnya, kajian Ayyoub et al. (2012) dalam kalangan pelajar sekolah tinggi di Iran mendapati mereka memperoleh maklumat mengenai seks daripada rakan sebaya, buku, majalah, gambar, audio visual seperti CD, sekolah dan pusat kaunseling. Kajian beliau turut mendapati bahawa keluarga (ibu bapa, adik-beradik) mahupun ahli keluarga yang rapat merupakan sumber rujukan terakhir yang dicari oleh pelajar-pelajar ini. Kajian yang dijalankan oleh Siti Nor et al. (2010) turut menyokong kajian Ayyoub et al. (2012) yang menyatakan bahawa rakan sebaya dan internet merupakan sumber utama maklumat diperoleh mengenai seks berbanding ibu bapa. Kajian Jas Laile Suzana dan Masnona (2012) pula mendapati laman web lucu lebih kerap dan cenderung dilayari oleh remaja lelaki berbanding dengan remaja perempuan.

Hakikatnya, peranan institusi dan struktur keluarga adalah penting dalam mempengaruhi tahap pengetahuan seks dalam kalangan pelajar dan remaja. Kenyataan ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Silver dan Bauman (2013) yang mendapati bahawa remaja yang terlibat dalam salah laku seks, kebiasaannya berasal daripada keluarga ‘pincang’ atau keluarga yang tidak lengkap sama ada ibu bapa yang bercerai ataupun tinggal bersama ibu atau bapa tunggal. Seterusnya, kajian Eggleston, Jackson dan Hardee (2013) menunjukkan bahawa kebanyakan golongan pelajar ini mempunyai rekod prestasi akademik yang merosot, lemah ataupun buruk. Mereka turut ketagihan menghisap rokok, meminum arak dan lebih teruk lagi, menyalahguna dadah. Justeru, kaji selidik ini dijalankan dengan tujuan untuk meneroka tahap pengetahuan seks golongan pelajar-pelajar ini. Maka, persoalan kajian yang ingin dikaji oleh penyelidik adalah untuk melihat sejauh manakah tahap pengetahuan, sumber maklumat rujukan dan pengalaman mengenai seks di kalangan pelajar sekolah menengah di sekitar bandar Raub.

## **Objektif Kaji Selidik**

Kaji selidik ini dijalankan dengan dua objektif utama. Pertama, untuk mengenalpasti tahap pengetahuan, sumber maklumat atau rujukan dan pengalaman mengenai seks dalam kalangan pelajar sekolah menengah di sekitar bandar Raub. Kedua, untuk melihat jika wujud perbezaan dari aspek tahap pengetahuan, sumber rujukan dan pengalaman mengenai seks dalam kalangan pelajar terbabit berdasarkan faktor demografi seperti jantina, tingkatan dan faktor teman lelaki atau teman wanita.

## **Metodologi Kajian**

Kaji selidik ini merupakan satu kaedah tinjauan keratan rentas. Populasi kajian terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah menengah di sekitar bandar Raub. Bagi mengumpul data kajian, penyelidik menggunakan kaedah sampel rawak berstrata. Unit analisis kajian terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan Satu, Tingkatan Dua dan Tingkatan Empat. Instrumen kajian terdiri daripada borang soal selidik yang mengandungi empat bahagian. Bahagian A merangkumi tahap pengetahuan responden berkaitan dengan sistem pembiakan manusia, diikuti dengan Bahagian B mengenai sumber maklumat pengetahuan seks diperoleh, Bahagian C pula berkaitan dengan pengalaman melakukan seks dan Bahagian D mengenai demografi responden. Soalan-soalan yang dikemukakan telah diubahsuai dan berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Ghazi (2012).

Borang soal selidik ini telah diedarkan kepada responden kajian di Perhentian Bas di sekitar bandar Raub selama tiga minggu mulai 1 Julai hingga 19 Julai 2019. Pembantu penyelidik hanya mengedarkan borang soal selidik setelah mematuhi syarat kaji selidik dan mendapat persetujuan daripada responden. Soal selidik ini dikemukakan dalam Bahasa Malaysia bagi memudahkan responden memaham dan menjawab bersendirian dan bebas tanpa dipengaruhi oleh sesiapa. Sebelum pembantu penyelidik mengedarkan borang soal selidik, mereka terlebih dahulu telah menjelaskan dan memaklumkan kepada responden mengenai kerahsiaan dan ruang untuk bertanya soalan berkaitan dengan soal selidik yang diedarkan bagi mendapatkan respon yang tidak bias. Daripada 300 borang soal selidik yang diedarkan, hanya 100 borang sahaja yang dapat digunakan untuk analisis selanjutnya.

Perisian ‘Statistical Package for Social Sciences’ (SPSS) versi 23 telah digunakan bagi penganalisisan data. Ujian statistik deskriptif dan inferensi telah dilakukan bagi menganalisis setiap data dalam kaji selidik ini. Ujian statistik deskriptif dijelaskan dalam bentuk kekerapan, peratusan, min (purata) dan sisihan piawai. Manakala ujian statistik inferensi pula merangkumi ujian-t statistik dan

analisis ANOVA Sehala bagi menguji jika terdapat perbezaan antara kumpulan dari aspek jantina, tingkatan dan faktor teman lelaki atau wanita.

## Hasil Analisis

### Latar Belakang Responden

Daripada 100 orang pelajar sekolah menengah yang terlibat dalam kaji selidik ini, seramai 47% terdiri daripada pelajar lelaki, manakala 53% pula terdiri daripada pelajar perempuan. Majoriti responden terdiri daripada pelajar Tingkatan Dua (43%), Tingkatan Satu (33%) dan Tingkatan Empat (24%). Majoriti responden adalah berbangsa Melayu (77%) seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Demografi Responden

	Kekerapan (Bilangan)	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	47	47.0
Perempuan	53	53.0
Tingkatan		
Satu	33	33.0
Dua	43	43.0
Empat	24	24.0
Bangsa		
Melayu	77	77.0
Cina	12	12.0
India	8	8.0
Lain-lain	3	3.0
Jumlah	100	100.0

### Pengetahuan Berkaitan Sistem Pembiakan Manusia

Item Bahagian A merujuk kepada soalan mengenai tahap pengetahuan responden terhadap sistem pembiakan manusia iaitu sistem pembiakan, kehamilan, alat mencegah kehamilan termasuk penyakit kelamin. Hasil kajian mendapat min (purata) skor tahap pengetahuan responden terhadap sistem pembiakan manusia berada pada tahap rendah ( $\text{min} = 0.44$ , sisihan piawai = 0.22). Hasil kaji selidik ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Ghazi (2012) yang mendapat bahawa tahap pengetahuan seks dalam kalangan pelajar sekolah adalah rendah. Ini mungkin disebabkan oleh pendedahan mengenai maklumat seks adalah terhad, jika ada pun, maklumatnya tidak tepat dan betul serta tidak dibincangkan secara bebas atau terbuka kerana masih dianggap memalukan dalam kalangan budaya dan masyarakat Malaysia.

Hasil kaji selidik ini turut mendapat bahawa tidak terdapat perbezaan skor yang signifikan dari aspek tahap pengetahuan seks antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan ( $t$ -statistik = 0.94,  $p > 0.05$ ) walaupun min (purata) skor tahap pengetahuan seks dalam kalangan pelajar perempuan ( $\text{min} = 0.44$ , sisihan piawai = 0.21) sedikit lebih tinggi berbanding dengan min (purata) skor tahap pengetahuan seks pelajar-pelajar lelaki ( $\text{min} = 0.41$ , sisihan piawai = 0.23). Keadaan ini menggambarkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang ketara dari aspek tahap pengetahuan seks dalam kalangan pelajar-pelajar lelaki dan perempuan. Hasil kaji selidik yang diperoleh ini menyokong kajian Siti Nor et al. (2010) yang menyatakan bahawa perbezaan jantina tidak memainkan peranan dalam mempengaruhi tahap pengetahuan seks di kalangan pelajar sekolah mahupun remaja.

Seterusnya, hasil analisis ANOVA Sehala yang dijalankan mendapat perbezaan min (purata) skor adalah signifikan dari aspek tingkatan pelajar ( $F$ -statistik = 73.71,  $p < 0.01$ ) yang mana pelajar Tingkatan Empat menunjukkan min (purata) skor yang paling tinggi ( $\text{min} = 0.57$ , sisihan piawai = 0.17) berbanding dengan min (purata) pelajar Tingkatan Satu ( $\text{min} = 0.37$ , sisihan piawai = 0.20), diikuti dengan min (purata) skor pelajar Tingkatan Dua ( $\text{min} = 0.35$ , sisihan piawai = 0.19). Hasil kaji selidik ini menjelaskan bahawa semakin meningkat usia seseorang pelajar itu, maka tahap pengetahuan mereka mengenai seks juga semakin bertambah. Dapatkan kaji selidik ini sekali lagi menyokong kajian yang

dilakukan oleh Siti Nor et. al (2010) yang menyatakan bahawa semakin meningkatnya usia seseorang remaja, tahap pengetahuan seks mereka turut bertambah kerana interaksi sosial dan sumber maklumat yang mereka peroleh semakin meluas dan banyak.

Akhir sekali, responden turut ditanya mengenai teman wanita atau teman lelaki ataupun sedang dalam proses mengenali seseorang. Dapatkan hasil analisis ANOVA Sehala menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min (purata) skor yang signifikan bagi kedua-dua kategori ini (ujian-F statistik = 9.17, p < 0.05). Hasil analisis mendapati bahawa responden yang tidak mempunyai teman wanita atau teman lelaki memperoleh min (purata) skor jauh lebih rendah (min = 0.41, sisihan piawai = 0.21) berbanding dengan responden yang mempunyai teman wanita atau teman lelaki (min = 0.49, sisihan piawai = 0.23). Dapatkan kajian turut menunjukkan bahawa min (purata) skor golongan yang tidak mempunyai teman wanita atau teman lelaki ini lebih rendah jika dibandingkan dengan min (purata) skor responden yang sedang dalam proses mengenali seseorang (min = 0.46, sisihan piawai = 0.17). Justeru, hasil kaji selidik ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan mengenai seks adalah lebih tinggi dalam kalangan pelajar yang mempunyai teman wanita atau teman lelaki mahupun mereka yang sedang mengenali seseorang. Pelajar-pelajar yang berada dalam kategori ini mempunyai sifat inkuisitif dan lebih peka mencari dan memiliki maklumat mengenai seks. Namun, sumber maklumat yang diperoleh mereka ini dikhuatiri tidak betul dan tepat, malah tidak mencukupi bagi menghindari mereka daripada terjebak dalam kancan aktiviti yang tidak sihat termasuklah aktiviti seks rambang yang tidak dilindungi.

### Sumber Rujukan Pengetahuan Seks

Item Bahagian B pula merujuk kepada soalan mengenai sumber maklumat rujukan yang diperoleh responden bagi mendapatkan maklumat berkaitan isu seks. Jadual 2 menunjukkan majoriti responden memperoleh sumber maklumat atau rujukan mengenai seks daripada rakan sebaya (31%), diikuti dengan menonton filem atau televisyen (11%) dan sumber internet (10%). Dapatkan kajian ini turut menunjukkan bahawa sumber maklumat yang paling jarang atau paling rendah diperoleh adalah ahli keluarga. Namun, ibu merupakan individu yang kerap dirujuk (4%) berbanding dengan bapa (1%) mengenai isu seks. Dengan kata lain, hasil kaji selidik ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Morris, Young dan Jones (2013) yang menyatakan bahawa para pelajar merasa lebih yakin dan percaya untuk mendapatkan sumber maklumat mengenai seks daripada rakan sebaya dan Internet berbanding dengan ahli keluarga mereka.

**Jadual 2** Sumber Rujukan Pengetahuan Seks

	Kekerapan (Bilangan)	Peratusan (%)
Rakan sebaya	31	31.0
Filem atau televisyen	11	11.0
Internet	10	10.0
Majalah	8	8.0
Buku	8	8.0
Suratkhabar	8	8.0
CD atau DVD	8	8.0
Teman wanita atau teman lelaki	8	8.0
Ibu	4	4.0
Adik-beradik lelaki	1	1.0
Pengalaman seks	1	1.0
Bapa	1	1.0
Lain-lain	1	1.0
Jumlah	100	100.0

### Pengalaman Berkaitan Seks

Seterusnya, item Bahagian C meminta responden menyatakan pengalaman seks ataupun mereka pernah melakukan hubungan seks. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa majoriti pengalaman seks responden diperoleh melalui tontonan filem atau video lucah (23%), diikuti dengan keluar temujanji dan membaca bahan-bahan lucah, masing-masing sebanyak 18%. Jadual 3 menunjukkan kekerapan pengalaman

berkaitan seks yang dilakukan oleh responden. Situasi ini menunjukkan jika tidak dibendung, dikhuatiri gejala sosial atau wabak penyakit akan menular dalam kalangan pelajar-pelajar ini, bukan sahaja di bandar, malah di luar bandar.

Namun, apa yang membimbangkan melalui kaji selidik ini adalah apabila terdapat responden yang mengaku pernah melakukan hubungan seks (1%), khususnya seks sesama jantina (1%). Dapatkan kaji selidik ini dengan jelas menggambarkan bahawa pelajar-pelajar sekolah cenderung untuk terlibat dengan aktiviti seks yang tidak sihat jika tidak mendapat maklumat yang betul dan tepat. Malah, kajian Amazigo et al. (2014) mendedahkan bahawa ada sesetengah remaja terlibat dalam melakukan hubungan seks di awal usia empat belas tahun.

**Jadual 3** Pengalaman Berkaitan Seks yang Pernah Dilakukan oleh Responden

	Kekerapan (Bilangan)	Peratusan (%)
Menonton filem atau video lucah	23	23.0
Bertemujanji	18	18.0
Membaca bahan lucu	18	18.0
Berpegangan tangan atau membelai	10	10.0
Berkhayal tentang seks	10	10.0
Bercium	10	10.0
Kawan pernah melakukan seks	4	4.0
Teman lelaki atau teman wanita pernah melakukan seks	3	3.0
Seks oral	1	1.0
Membeli kondom	1	1.0
Seks sesama jantina	1	1.0
<u>Seks berlainan jantina</u>	<u>1</u>	<u>1.0</u>
Jumlah	100	100.0

## Rumusan dan Cadangan

Majoriti pelajar yang terlibat dalam kaji selidik ini adalah pelajar perempuan seramai 53 orang dan pelajar lelaki seramai 47 orang. Majoriti daripada mereka adalah pelajar Tingkatan Dua seramai 43 orang, diikuti dengan pelajar Tingkatan Satu seramai 33 orang dan pelajar Tingkatan Empat seramai 24 orang. Kebanyakan pelajar adalah berbangsa Melayu iaitu seramai 77 orang. Dari aspek pengetahuan terhadap sistem pembiakan manusia, hasil kaji selidik mendapati min (purata) skor tahap pengetahuan responden mengenai seks adalah rendah. Situasi ini mungkin disebabkan oleh pendedahan mengenai maklumat seks kepada pelajar adalah terhad, tidak tepat atau tidak dibincangkan secara terbuka kerana dianggap memalukan. Hasil kaji selidik ini turut mendapati pengetahuan seks adalah sama tanpa mengira jantina pelajar. Dari aspek berdasarkan tingkatan pula, dapatkan kaji selidik menunjukkan min (purata) skor pelajar Tingkatan Empat adalah tinggi berbanding dengan pelajar Tingkatan Satu dan pelajar Tingkatan Dua. Situasi ini menerangkan bahawa semakin meningkat usia seseorang pelajar itu, maka semakin tinggi tahap pengetahuan seks mereka. Dapatkan kaji selidik turut mendapati bahawa responden yang mempunyai teman wanita atau teman lelaki ataupun responden yang sedang dalam proses mengenali seseorang memperoleh min (purata) skor pengetahuan seks yang lebih tinggi berbanding dengan responden yang tidak mempunyai teman wanita atau teman lelaki. Ini bermakna bahawa pelajar yang mempunyai teman wanita atau teman lelaki lebih berkecenderungan mempunyai maklumat mengenai seks. Dari aspek sumber rujukan pengetahuan seks, hasil kaji selidik mendapati majoriti responden memperoleh maklumat mengenai seks dari rakan sebaya, diikuti filem, televisyen dan sumber internet. Manakala, ahli keluarga, terutamanya bapa merupakan sumber maklumat rujukan yang kurang dan jarang dirujuk oleh responden. Akhir sekali, dari aspek pengalaman berkaitan seks, hasil kajian mendapati pengalaman berkaitan seks diperoleh oleh kebanyakan responden melalui tontonan filem atau video lucu. Namun, apa yang diperoleh dari hasil kaji selidik ini turut membimbangkan kerana terdapat juga dalam kalangan pelajar yang memperakui melakukan hubungan seks bukan sahaja dengan berlainan jantina, malah sesama jantina.

Secara keseluruhannya, kaji selidik ini mendapati majoriti pelajar memperoleh maklumat berkaitan seks melalui empat sumber, iaitu rakan sebaya, filem, televisyen dan internet. Sumber maklumat atau rujukan internet paling mudah diperoleh. Ini secara tidak langsung, merisiko dan mendedahkan pelajar

memperoleh maklumat yang tidak betul sehingga mereka terjerumus dalam pelbagai masalah sosial seperti seks bebas, kehamilan luar nikah atau meningkatkan jumlah pembuangan bayi. Justeru, peranan institusi dan struktur keluarga, terutamanya ibu bapa adalah penting dalam mengawal tingkah laku anak-anak agar berkelakuan yang sewajarnya. Perubahan pemikiran ibu bapa mengenai pendidikan seks perlu diberi penekanan agar mereka lebih bersedia untuk berbincang secara terbuka dan bebas dengan anak-anak yang semakin matang dan meningkat dewasa. Begitu juga dengan rakan sebaya yang harus diberi dan dilengkapkan dengan pengetahuan sebenar memandangkan mereka dijadikan sumber maklumat rujukan mengenai seks oleh rakan pelajar. Misalnya, mereka ini boleh diberi kursus atau latihan melalui kaedah kaunseling bagi memastikan sumber maklumat, nasihat dan intervensi yang diberikan adalah tepat demi membantu sesama rakan.

## **Penutup**

Seks dalam kalangan pelajar sekolah adalah satu isu yang rumit. Ia perlu ditangani secara matang dan profesional kerana melibatkan maruah dan jiwa remaja yang rapuh dan beremosi. Namun, isu ini akan menjadi semakin parah jika tidak diberikan perhatian dan diambil tindakan segera. Hasil kaji selidik yang diperoleh ini sedikit sebanyak jelas memberikan gambaran bahawa perlunya semua pihak mengambil peduli dalam menangani masalah yang wujud terhadap tahap pengetahuan, sumber maklumat dan pengalaman pelajar sekolah mengenai seks. Jika tidak diendahkan, tidak mustahil ia akan merebak dan membawa kepada berlakunya pelbagai masalah sosial yang akhirnya mungkin akan menjelaskan pembangunan negara. Justeru, usaha dan tindakan yang padu dan jitu perlu disusun, diperkemas dan diperkasa dalam menangani isu seks dalam kalangan pelajar sekolah ini. Sudah tiba masanya pendidikan seks diperkenalkan di peringkat sekolah yang mana mekanismenya perlu disesuaikan dan diperhalusi agar tidak menyentuh mahupun menyenggung sensitiviti agama, bangsa dan kaum demi menjamin kesejahteraan dan keharmonian masyarakat dan negara.

Keseluruhananya, kedua-dua objektif kaji selidik ini berjaya dicapai. Namun, terdapat beberapa kekangan, misalnya, tumpuan kaji selidik ini hanya melibatkan pelajar sekolah menengah di sekitar bandar Raub sahaja. Maka, hasil yang diperoleh tidak wajar dibuat generalisasi sebagai mewakili keseluruhan pelajar sekolah mahupun remaja di Malaysia. Selain itu, kaji selidik ini hanya menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Oleh itu, data yang diperoleh adalah tidak komprehensif. Justeru, penyelidik berharap pada masa akan datang, kaji selidik yang dibuat bukan lagi merujuk kepada satu tinjauan semata-mata, malah dapat dilakukan secara menyeluruh dengan melibatkan lebih banyak sekolah dan lebih ramai pelajar. Penyelidik turut ingin menyarankan agar kaedah pengumpulan data dapat dipelbagaikan, misalnya dalam bentuk kualitatif agar hasil yang diperoleh dapat mencerminkan keadaan yang sebenar di samping dapat membantu pembuat-pembuat dasar.

## **Rujukan**

- Amazigo U, Silva N, Kaufman J, Obikeze DN (2014) Sexual activity and contraceptive knowledge and use among in-school adolescents in Nigeria. *International Family Planning Perspective*, 23(1): 28–33
- Ayyoub M, Hamid AS, Ali NF, Mahdi B, Ali Reza SK (2012) A study on the sources of sexual knowledge acquisition among high school students in Northwest Iran. *Archives of Iranian Medicine*, 13(6): 537–542
- Eggleston E, Jackson J, Hardee K (2013) Sexual attitudes and behaviour among young adolescents in Jamaica. *International Family Planning Perspectives*, 25(2): 78–84
- Ghazi F (2012) Report of the UNFPA Intercountry Workshop Adolescent Reproductive Health for East and South East Asia and the Pacific Island Countries. UNFPA Country Technical Services Team for East and South-East Asia Bangkok, 2000
- Jas LS, Masnona, AK (2012) Pengaruh internet terhadap psikologi remaja. Dalam Y. Mohd Fauzi (Ed.), *Malaysia: Menangani perubahan dan pembangunan* (87–110). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Morris J, Young M, Jone C (2013) Self esteem and adolescent sexual behavior among students at an elite Bolivian school. *The International Electronic Journal of Health Education*, 3(1): 36–42
- Silver E, Bauman L (2013) The association of sexual experience with attitudes, beliefs, and risk behaviors of Inner-City adolescents. *Journal of Research on Adolescence*, 16(1): 29–45
- Siti NY, Wong FP, Rozumah B, Mariani M, Rumaya J, Mansor AT (2010) Factors related to sexual knowledge among Malaysian adolescents. *Jurnal Kemanusiaan*, 16